



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2016

PEMBAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

PADA menjalankan kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(2)(a) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], saya, **DR. NOOR ZARI BIN HAMAT**, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan peratus (%) daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperoleh oleh setiap koperasi (tidak termasuk koperasi sekolah) sebagai jumlah wang yang kena dibayar oleh koperasi itu kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Untung Bersih Teraudit (RM)</i>	<i>Kadar Peratus</i>
0-99,999	0%
100,000 dan ke atas	2%

2. Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, Arahan Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bertarikh 15 Ogos 2014 masih terpakai sehingga tahun kewangan berakhir 30 November 2016.

Bertarikh : 23 Jun 2016
No. Rujukan : SKM.IP.(AM) 7964 SJ.5 (87)


(DR. NOOR ZARI BIN HAMAT)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia